



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 33
No. 23


9hb November 1989

*TAMBAHAN No. 24
AKTA*

Undang-undang semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan menurut seksyen 10 (1) Akta Penyemakan Undang-undang 1986 (Akta 1):

The following revised laws are hereby published pursuant to section 10 (1) of the Revision of Laws Act 1968 (Act 1):

No.	Tajuk ringkas
Act 393	... Service Commissions Act 1957
Act 394	... Parliamentary Service Act 1963
Act 395	... Assignment of Revenue (Export Duty On Iron Ore) Act 1962
Act 396	... Assignment of Export Duty (Mineral Ores) Act 1964
Act 397	... Malaysian Industrial Development Authority (Incorporation) Act 1965
Act 398	... National Land Rehabilitation And Consolidation Authority (Incorporation) Act 1966



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY



Jil. 34
No. 23

8hb November 1990

**TAMBAHAN No. 43
AKTA**

Naskah bahasa kebangsaan bagi undang-undang
semakan yang berikut adalah dengan ini diterbitkan
untuk makluman umum:

The national language text of the following revised
law is hereby published for general information:

No.

Tajuk ringkas

Akta 393 ... Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 393

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN 1957

(Disemak—1989)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Service Commissions Act 1957* sebagaimana disemak dalam tahun 1989. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

[Senarai Pinda]

20

SENARAI

No

74 tahun

2



Disemak sehingga 31hb Oktober 1988

Tarikh versi semakan ini di-
siarkan dalam *Warta* 9hb November 1988

Tarikh yang ditetapkan untuk
mula berkuatkuasa versi
semakan ini *menurut seksyen*
6 (1) (xxiii) Akta Penye-
makan Undang-Undang 1968
(Akta 1) 16hb November 1988

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 393****AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN 1957****(Disemak—1989)**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II**KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN DAN PERLINDUNGAN**

3. Perhubungan-perhubungan tertentu diberi keistimewaan.
4. Perlindungan untuk ahli-ahli.

BAHAGIAN III**KESALAHAN-KESALAHAN**

5. Memberi maklumat palsu kepada Suruhanjaya.
6. Penerbitan dan pendedahan maklumat yang tidak dibenarkan
7. Mempengaruhi atau cuba mempengaruhi Suruhanjaya.
8. Ahli, pegawai dan pengkhidmat Suruhanjaya disifatkan sebagai pengkhidmat awam di bawah Kanun Keseksaan.
9. Keizinan Pendakwa Raya untuk membuat pendakwaan.

BAHAGIAN IV**SARAAN AHLI-AHLI SURUHANJAYA-SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN**

10. Saraan.
11. Peruntukan terhadap dua gaji.

[Senarai P

[Susunan Seksyen]

20

4

AKTA 393

SEN.

Seksyen

12. Tanggungan dan pembayaran saraan.

13. Jadual boleh dipinda melalui peraturan-peraturan.

74 t

JADUAL.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 393

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN 1957

(Disemak—1989)

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi penghukuman kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan, bagi perlindungan dan penyaraan ahli-ahli Suruhanjaya dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[*Malaysia Barat—31hb Ogos 1957;*
Malaysia Timur—4hb Mac 1965.]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957.

Tajuk
ringkas
dan
pemakaian.

(2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Suruhanjaya” ertinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis, atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

(2) Dalam Bahagian II dan III sebutan-sebutan mengenai Suruhanjaya hendaklah diertikan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai mana-mana Suruhanjaya sesuatu Negeri, yang bersamaan taraf dan bidang kuasanya dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang bidang kuasanya diperluaskan kepada

orang-orang di dalam perkhidmatan awam Negeri itu; dan dalam konteks sedemikian sebutan-sebutan mengenai Yang di-Pertuan Agong dan mengenai Kerajaan hendaklah diertikan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai Raja dan mengenai Kerajaan Negeri itu, mengikut kehendak hal keadaan.

BAHAGIAN II

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN DAN PERLINDUNGAN

Perhubungan-perhubungan tertentu diberi ke-istimewaan.

3. Tiada seorang pun boleh dalam mana-mana prosiding undang-undang dibenar atau dipaksa mengeluarkan atau mendedahkan apa-apa perhubungan bertulis atau lisan yang berlaku di antara Suruhanjaya atau mana-mana ahli Suruhanjaya dan Kerajaan atau mana-mana Menteri atau pegawai awam atau apa-apa perhubungan di antara ahli-ahli Suruhanjaya dalam menjalankan fungsi-fungsi Suruhanjaya atau yang berkaitan dengan penjalanan fungsi-fungsi Suruhanjaya melainkan jika Yang di-Pertuan Agong memberi izin dengan cara bertulis untuk pengeluaran atau pendedahan yang sedemikian.

Perlindungan untuk ahli-ahli.

4. Tiap-tiap ahli Suruhanjaya hendaklah mendapat perlindungan dan keistimewaan yang sedemikian dari Yang di-Pertuan Agong untuk tindakan atau guaman yang sama dalam hal apa-apa tindakan atau guaman yang diambil terhadapnya bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya semasa bertindak dalam menyempurnakan tugasjawatannya sepertimana mengikut undang-undang yang diberi kepada Majistret dalam menyempurnakan tugasjawatannya.

BAHAGIAN III

KESALAHAN-KESALAHAN

Memberi maklumat palsu kepada Suruhanjaya.

5. Mana-mana orang yang, berkaitan dengan sesuatu permohonan oleh mana-mana orang untuk mendapatkan pekerjaan atau perlantikan ke dalam perkhidmatan awam atau berkaitan dengan penjalanan fungsi-fungsi oleh Suruhanjaya, dengan sengaja memberi apa-apa maklumat yang palsu atau

mengelirukan dalam mana-mana butiran yang material kepada Suruhanjaya atau mana-mana ahlinya atau kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik oleh Suruhanjaya bagi membantu menjalankan fungsi-fungsinya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum penjara selama tempoh dua tahun atau denda dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

6. (1) Tiada ahli Suruhanjaya mahu pun mana-mana orang lain boleh, tanpa kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong, menerbitkan atau mendedahkan kepada mana-mana orang yang tak diberikuasa atau selainnya melainkan dalam menjalankan tugas, akan kandungan atau mana-mana bahagian kandungan mana-mana dokumen, perhubungan atau maklumat apa jua pun yang sampai pada pengetahuannya dalam menjalankan tugasnya sebagai ahli sedemikian berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan perjalanan oleh Suruhanjaya akan mana-mana fungsinya, dan mana-mana orang yang diketahuinya bertindak dengan melanggar subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum penjara selama tempoh satu tahun atau denda satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Penerbitan dan pendedahan maklumat yang tidak dibenarkan.

(2) Jika mana-mana orang ada dalam milikannya apa-apa maklumat yang pada pengetahuannya telah didedahkan dengan melanggar seksyen ini menerbitkan atau memberitahu maklumat itu kepada mana-mana orang selain daripada untuk tujuan pendakwaan di bawah Akta ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum penjara selama tempoh satu tahun atau denda satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

7. Tiap-tiap orang yang, selain daripada dalam menjalankan tugasnya, secara langsung atau tidak langsung dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain dengan apa-apa cara mempengaruhi atau cuba mempengaruhi apa-apa keputusan Suruhanjaya atau mana-mana ahlinya adalah melakukan suatu kesalahan

Memengaruhi atau cuba mempengaruhi Suruhanjaya.

dan boleh dipenjarakan selama tempoh dua tahun atau denda dua ribu ringgit atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang mana-mana orang memberi perakuan atau surat perakuan kepada mana-mana pemohon atau calon untuk mana-mana jawatan awam atau menghalang mana-mana orang membekal apa-apa maklumat atau bantuan atas permintaan formal yang dibuat oleh Suruhanjaya.

Ahli,
pegawai
dan
pengkhidmat
Suruhanjaya
disifatkan
sebagai peng-
khidmat
awam
di bawah
Kanun
Keseksaan.
*N.M.B. Bab
45.*

8. Tiap-tiap ahli, pegawai dan pengkhidmat Suruhanjaya hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan.

Keizinan
Pendakwa
Raya
untuk
membuat
pendakwaan.

9. Sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

BAHAGIAN IV

SARAAN AHLI-AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN

Saraan.

10. (1) Saraan ahli-ahli Suruhanjaya yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mengandungi gaji atau elaun tetap, elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan yang ditetapkan di dalamnya.

(2) Gaji atau elaun tetap setiap ahli Suruhanjaya hendaklah—

(a) bermula dari tarikh perantikannya;

(b) terakru dari hari ke hari; dan

[Jadual]

10

AKTA 393

Sebulan

P.U.(A)162/02 3. Ahli-Ahli:
Elaun tetap RM5,311.90
\$3,310

4. Elaun Memangku:

Dalam keadaan Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi selama suatu tempoh melebihi dua puluh lapan hari, dia adalah berhak mendapat elaun memangku, setara dengan perbezaan antara gajinya atau elaun tetapnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan gaji jawatan yang dipangkunya.

(B) SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

Ahli-ahli (tidak termasuk ahli-ahli ex-officio dan ahli-ahli yang dilantik dari kalangan Hakim berkhidmat):

P.U.(A)162/02 Elaun tetap ~~RM4,888.40~~
\$3,040

(C) SURUHANJAYA PERKHIDMATAN POLIS

Ahli-ahli (tidak termasuk ahli-ahli ex-officio dan ahli-ahli yang dilantik dari kalangan Hakim berkhidmat):

P.U.(A)162/02 Elaun tetap RM4,888.40
\$3,040

(D) SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

P.U.(A)162/02 1. Pengerusi:
Gaji RM7,816.60
\$4,210

P.U.(A)162/02 2. Timbalan Pengerusi:
Gaji RM5,868.50
\$3,610

P.U.(A)162/02 3. Ahli-Ahli:
Elaun tetap RM4,888.40
\$3,040

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN

11

4. Elaun Memangku:

Dalam keadaan Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi selama suatu tempoh melebihi dua puluh lapan hari, dia adalah berhak mendapat elaun memangku, setara dengan perbezaan antara gajinya atau elaun tetapnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan gaji jawatan yang dipangkunya.

ELAUN-ELAUN DAN KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN YANG TERPAKAI BAGI SEMUA SURUHANJAYA

1. ELAUN SARA HIDUP:

(a) bagi tugas luar untuk suatu tempoh dua puluh empat jam dan lebih—

	Malaysia Barat, Thailand (dari Phuket hingga ke arah selatannya) dan Kalimantan	Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$80 untuk setiap 24 jam	\$100 untuk setiap 24 jam
Pengerusi dan Timbalan Pengerusi semua Suruhan- jaya Perkhid- matan kecuali Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$60 untuk setiap 24 jam	\$70 untuk setiap 24 jam
Ahli-ahli semua Suruhanjaya Perkhidmatan	\$40 untuk setiap 24 jam	\$50 untuk setiap 24 jam

(b) bagi tugas luar untuk suatu tempoh melebihi lapan jam tetapi kurang daripada dua puluh empat jam kadar-kadar bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli semua Suruhanjaya Perkhidmatan hendaklah separuh daripada kadar dalam subperenggan (a).

2. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL:

	Malaysia Barat, Thailand (dari Phuket hingga ke arah selatannya) dan Kalimantan	Singapura dan Brunei	Sabah dan Sarawak
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	dengan resit, perbelanjaan penginapan hotel sebenar dalam standard suite hendaklah dibayar ganti		
	\$80 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit	\$90 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit	\$85 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit
Pengerusi dan Timbalan Pengerusi semua Suruhanjaya kecuali Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	dengan resit, perbelanjaan penginapan hotel sebenar dalam bilik bujang hendaklah dibayar ganti		
	\$70 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit	\$80 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit	\$75 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit
Ahli-ahli semua Suruhanjaya Perkhidmatan	dengan resit, perbelanjaan penginapan hotel sebenar tidak melebihi \$100 hendaklah dibayar ganti atau \$60 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit	dengan resit, perbelanjaan penginapan hotel sebenar tidak melebihi \$120 hendaklah dibayar ganti atau \$72 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit	dengan resit, perbelanjaan penginapan hotel sebenar tidak melebihi \$110 hendaklah dibayar ganti atau \$66 elaun pemalaman sebagai ganti tanpa resit

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN

3. ELAUN PERJALANAN DENGAN KERETA/MOTOSIKAL:
(perjalanan dari rumah ke pejabat dikecualikan)

	<i>Kelas A 1400 c.c dan ke atas</i>	<i>Kelas B 1000 c.c ke 1399 c.c.</i>	<i>Kelas C di bawah 1000 c.c</i>
	(sen sekilometer)		
Untuk 500 km pertama	55	41	35
Atas 500 km tetapi tidak melebihi 650 km	51	37	31
Atas 650 km tetapi tidak melebihi 800 km	48	35	29
Atas 800 km tetapi tidak melebihi 950 km	39	33	29
Atas 950 km tetapi tidak melebihi 1100 km	38	32	27
Atas 1100 km tetapi tidak melebihi 1250 km	36	32	27
Atas 1250 km tetapi tidak melebihi 1400 km	35	32	27
Atas 1400 km tetapi tidak melebihi 1550 km	33	31	26
Atas 1550 km tetapi tidak melebihi 1700 km	33	31	26
Atas 1700 km	32	30	24

4. KEMUDAHAN PERUBATAN:

Rawatan percuma sebagai pesakit luar untuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi, ahli-ahli, suami atau isteri dan anak-anak mereka tetapi dalam hal dimasukkan ke hospital caj wad ikut hari boleh dibayar mengikut kadar yang boleh dicajkan bagi pegawai Divisyen 1 kecuali jika kemasukan ke hospital itu adalah disebabkan oleh kecederaan yang diperolehi dalam masa menjalankan tugas. Jika Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau ahli ialah seorang pesara dia bolehlah memilih untuk mendapatkan kemudahan perubatan yang disediakan untuk pesara.

“Kanak-Kanak” ertinya mana-mana kanak-kanak di bawah umur 21 tahun, dalam tanggungan Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau ahli atau mana-mana kanak-kanak dalam tanggungan yang sedang mengikuti ijazah pertama di sesuatu institusi pengajian tinggi dan termasuklah kanak-kanak terencat akal atau cacat anggota yang dalam halnya had umur tidaklah terpakai. Ia hendaklah juga termasuk anak tiri atau anak angkat yang diambil di bawah mana-mana undang-undang atau adat yang diiktiraf.

5. CUTI:

Tiga puluh hari cuti rehat berkenaan dengan setiap satu tahun genap perkhidmatan dengan Suruhanjaya hendaklah diberi.

6. ELAUN BULANAN PERUMAHAN:

Kuarters yang dilengkapkan bagi Kelas “B” atau “C” hendaklah diperuntukkan percuma atau jika tidak tinggal di kuarters elaun perumahan pada kadar berikut hendaklah dibayar—

	<i>Suruhanjaya Perkhidmatan Awam</i>	<i>Suruhanjaya Perkhidmatan lain</i>
Pengerusi	\$1,500	\$1,250
Timbalan Pengerusi	\$1,000	\$ 750
Ahli-Ahli	\$ 600	\$ 450

7. GANJARAN:

Ganjaran pada kadar satu bulan gaji atau satu bulan elaun tetap bagi setiap satu tahun genap perkhidmatan dan dengan perkadaran mana-mana bahagian daripadanya bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan hendaklah dibayar—

- (a) pada ketika tamatnya tempoh perlantikan ahli tetapi jika seseorang ahli itu dilantik untuk lebih daripada satu penggal dia boleh memilih untuk sama ada dibayar pada

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN

15

penghujung setiap penggal atau sehingga dia telah menghabiskan semua penggal (dalam keadaan mana pun dia hanya berhak kepada pengecualian daripada cukai pendapatan sekali sahaja); atau

- (b) kepada mana-mana tanggungannya sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong atau jika tiada tanggungan, dibayar kepada wakil peribadinya jika mati semasa masih memegang jawatan.

8. PENDAHULUAN UNTUK MEMBELI KENDERAAN BERMOTOR:

(kelayakan sekali tiap-tiap 4 tahun dan boleh dibayar dalam penggal ahli itu memegang jawatan, yang dalam masa mana pendahuluan itu diberi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa).

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$30,000
--	----------

Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli semua Suruhanjaya Perkhidmatan kecuali Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$28,000
---	----------

9. ELAUN MESYUARAT:

(terpakai hanya kepada ahli-ahli ex-officio dan ahli-ahli yang dilantik dari kalangan Hakim berkhidmat)—

Hendaklah dibayar elaun sebanyak \$75 sehari akan sebahagian daripadanya bagi menghadiri mesyuarat atau mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya atau mana-mana Jawatankuasa atau Lembaganya tertakluk kepada maksimum \$1,000 dalam mana-mana satu bulan.

10. ELAUN PEMANDU:

(hanya jika pemandu bukan dalam perkhidmatan awam diambil kerja untuk sepenuh masa)—

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	(a) \$280×10-300×15-345/ 360×15-465 sebulan
--	--

(b) Elaun Khidmat Awam sebanyak \$35 sebulan
--

- (c) caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- (d) elaun kerja lebih masa pada kadar yang sama seperti pemandu-pemandu dalam perkhidmatan awam
- (e) elaun sara hidup pemandu sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa
- (f) elaun pakaian seragam untuk 3 pasang pakaian seragam dan 2 pasang kasut setahun sebagaimana yang ditentukan kadarnya oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa
- (g) bayaran ex-gratia bagi penamatan perkhidmatan untuk selain daripada sebab-sebab tatatertib pada kadar 17 ½% gaji bulan terakhirnya bagi setiap satu bulan genap perkhidmatan yang memuaskannya selepas ditolak caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan faedah atasnya

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi semua Suruhanjaya Perkhidmatan kecuali Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam \$250 sebulan

Ahli-ahli semua Suruhanjaya Perkhidmatan 20 sen sekilometer ketika dalam tugas rasmi setakat maksimum \$200 sebulan

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN

17

11. PERJALANAN UDARA:

("dalam negeri" ertinya penerbangan dalam dan ke dan dari Brunei, Kalimantan, Malaysia, Singapura dan Thailand (dari Phuket hingga ke arah selatannya))—

Pengerusi semua Suruhanjaya Perkhid- matan dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Kelas Satu (bukan dalam negeri)
---	------------------------------------

Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli semua Suruhanjaya Perkhid- matan kecuali Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Ekonomi (bukan dalam negeri)
---	---------------------------------

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi semua Suruhan- jaya Perkhidmatan	Kelas Satu (dalam negeri)
---	------------------------------

Ahli-ahli semua Suruhanjaya Perkhidmatan	Ekonomi (dalam negeri)
---	---------------------------

12. ELAUN BULANAN KERAJIAN:

	<i>Suruhanjaya Perkhidmatan Awam</i>	<i>Suruhanjaya Perkhidmatan lain</i>
Pengerusi	\$1,600	\$1,200
Timbalan Pengerusi	\$1,000	\$ 800
Ahli-ahli	\$ 600	\$ 550

13. KERETA RASMI:

Pengerusi semua Suruhanjaya Perkhidmatan dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah diperuntukkan sebuah kereta rasmi sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

14. ELAUN PENYENGGARAAN RUMAH:

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah dibayar \$1,000 setahun untuk penyenggaraan rumah.

[Jadual]

18

AKTA 393

15. BAYARAN AIR DAN ELEKTRIK:

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah berhak mendapat air dan elektrik secara percuma.

16. ELAUN ORANG GAJI:

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah berhak mendapat elaun orang gaji pada kadar \$250×10-290×15-365, Elaun Khidmat Awam sebanyak \$35 sebulan, caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan bayaran ex-gratia kepada orang gaji untuk penamatan perkhidmatan selain daripada sebab-sebab tatatertib pada kadar 17½% gaji bulan terakhirnya bagi setiap bulan genap perkhidmatan selepas dipotong caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan faedah atasnya.

17. Jika sebelum tamat tempoh perlantikan ahli Suruhanjaya ahli yang demikian terhenti menjadi ahli menurut kuasa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, ahli itu hendaklah—

- (a) dibayar separuh gaji atau elaun tetap;
- (b) separuh elaun bulanan perumahan;
- (c) sebagai tambahan kepada ganjaran yang boleh dibayar di bawah butiran 7, dibayar ganjaran yang dikira mengikut butiran itu berkenaan dengan tempoh perlantikannya yang belum tamat itu seolah-olah dia telah berkhidmat sebagai ahli untuk tempoh yang belum tamat itu dan dibayar gaji atau elaun tetap, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengannya; dan
- (d) separuh elaun bulanan keraian,

dari tarikh dia terhenti menjadi ahli Suruhanjaya itu ke tarikh tamat perlantikannya, atau ke tarikh perlantikannya ke Suruhanjaya yang lain, mengikut mana-mana yang terdahulu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 393

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN 1957

(Disemak—1989)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Akta No. 9/ 1960	Akta Suruhanjaya Perkhid- matan (Pindaan) 1960	30-5-1957
Akta A149 ...	Akta Suruhanjaya Perkhid- matan (Pindaan) 1972	6-10-1972
Akta A166 ...	Akta Suruhanjaya Perkhid- matan (Pindaan) 1973	1-1-1972
Akta A215 ...	Akta Suruhanjaya Perkhid- matan (Pindaan) (No. 2) 1973	30-8-1973 1-1-1974
Akta A468 ...	Akta Suruhanjaya Perkhid- matan (Pindaan) 1979	1-1-1974 21-1-1975 1-7-1977
Akta A509 ...	Akta Suruhanjaya Perkhid- matan (Pindaan) 1981	1-7-1980
P.U. (A) 98/ 1981	Peraturan-Peraturan Suru- hanjaya Perkhidmatan (Pin- daan Jadual Kedua) 1981	1-7-1980
Akta A543 ...	Akta Suruhanjaya Perkhid- matan (Pindaan) 1982	15-5-1981
P.U. (A) 180/ 82	Peraturan-Peraturan Suru- hanjaya Perkhidmatan (Pin- daan Jadual) 1982	15-5-1981

[Senarai Pindaan]

20

AKTA 393

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA
YANG DIGANTIKAN

No.	Tajuk
74 tahun 1957	Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957

DICETAK OLEH GHAZALI BIN JANI, K.M.N., A.M.P., P.P.T.
PEMANGKU KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, MALAYSIA
DENGAN PERINTAH PADA 8th NOVEMBER 1990

Harga: \$1.20